



## **PENGEQUALIAN PEMBAYARAN SEWA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN RUMAH TRANSIT**



Pada 27 Mac 2020, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bagi rakyat menghadapi cabaran wabak COVID-19. Kerajaan bersetuju memanjangkan pengecualian pembayaran sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) daripada tempoh sebulan yang diumumkan sebelum ini kepada enam bulan. Penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) bakal menikmati inisiatif penangguhan pembayaran bulanan dan pengecualian bayaran sewaan rumah selama enam bulan apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melaksanakan moratorium bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Keputusan ini telah melibatkan sebanyak 9,185-unit rumah di bawah pengurusan KPKT bermula April 2020 sehingga September 2020.

Melalui Pakej Rangsangan Ekonomi, pengecualian pembayaran sewa dengan jumlah kos sebanyak RM3 Juta telah ditanggung oleh kerajaan. Manakala, penangguhan pembayaran bulanan melibatkan penangguhan pembayaran sebanyak RM5.7 Juta.

Pengecualian pembayaran sewa ini meliputi penduduk bagi PPR di sewa dan Rumah Transit seperti:

- I. Rumah Transit Bukit Jalil
- II. PPR Lembah Subang 1

Manakala, penangguhan pembayaran bulanan bagi PPR sewa untuk dimiliki (*Rent to Own*) adalah seperti berikut:

1. PPR Sentul Murni
2. PPR Lembah Subang 2
3. PPR Kampung Hassan
4. PPR Padang Siliu, Port Dickson
5. PPR Tok Suboh
6. PPR Amanjaya
7. PPR Kota Setar
8. PPR Sinar Intan 3
9. PPR Gua Musang
10. PPR Kota Bharu

Inisiatif ini dilakukan bagi membantu semua lapisan masyarakat terutamanya golongan B40 yang menetap di kediaman flat kos rendah bagi seluruh negara. Kementerian berharap agar keputusan ini dapat meringankan beban rakyat ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

**Sumber: Unit Komunikasi Korporat**